

Dr M yakin kerjasama ekonomi tiga negara

MALAYSIA telah mengenalpasti beberapa projek perdagangan dan pelaburan yang boleh dijalankan secara usahasama dengan Bangladesh, Sri Lanka dan Maldives, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, malam ini.

Perdana Menteri berkata, Malaysia juga bersedia menawarkan bantuan teknikal ke negara-negara itu di samping memberi peluang latihan kepada rakyatnya di negara ini. Beliau berkata demikian sekembalinya dari lawatan rasmi ke tiga-tiga negara itu di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur di Subang, dekat sini.

Turut menyambut kepulangan beliau ialah Timbalan Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam dan isterinya Datin Maria Musa serta menteri-

KUALA LUMPUR, Selasa

menteri Kabinet dan timbalan menteri.

Datuk Seri Dr Mahathir yang puas hati dengan jawatan itu berkata, beberapa siri rundingan dan perjanjian persefahaman diadakan dengan pemimpin-pemimpin negara yang dilawati.

Kampuchea

Katanya, kerjasama di bidang perdagangan termasuk dalam projek pertanian dan perikanan mudah dilaksanakan kerana negara-negara itu memberi sokongan penuh.

Ketika melawat Sri Lanka, beliau berbincang mengenai hubungan dua hala dengan pemimpin negara itu di samping mengumumkan tawaran Malaysia berhubung dengan bantuan teknikal.

"Saya juga berbincang mengenai masalah Kampuchea dan Afghanistan serta masalah tumpahan minyak di Teluk Arab yang mungkin menjelaskan pulau-pulau di Lautan Hindi," jelasnya.

Perdana Menteri juga kagum dengan pembangunan pesat dan keberhasilan bandar Mall di Kepulauan Maldives. "Sambutan yang diberi oleh rakyatnya kepada saya juga di luar dugaan," jelasnya.

Beliau berkata, negara itu kini sedang membina sebuah Pusat Islam termasuk sebuah masjid yang boleh menampung 4,000 orang.

Projek itu ditawarkan kepada kontraktor Malaysia dan rekabentuk masjid itu adalah sama seperti Masjid Abu Bakar Al-Siddiq di Bangsar, di sini.

Mengenal laporan sebuah majalah mengenai kegiatan dua pegawai Kedutaan Russia di negara ini yang bergerak di sebalik tabir diplomatik, beliau berkata:

"Saya tidak tentang laporan itu kerana ketika itu saya ada di luar negeri, tapi saya akan menyalut perkara itu sebelum membuat apa-apa kenyataan."

Beliau berkata: "Terus

terang saya katakan bahawa tiada sebuah negara pun yang suka diin-tip."

Sementara itu, wartawan kita Aziz Hassan melaporkan dari Male bahawa Malaysia dan Maldives akan mengkaji kemungkinan menubuhkan sebuah suruhanjaya untuk meningkatkan hubungan perdagangan kedua negara.

Dalam rancangan bantuan pula, sebagai permulaan, kontraktor Malaysia yang sedang mengendalikan projek Pusat Islam di sini telah menawarkan lima biasiswa kepada anak-anak Maldives untuk berlatih dalam bidang pembinaan di negara kita untuk tempoh enam bulan.

Kontraktor berkenaan, Haj dan Rakan-Rakan, iaitu satu konsortium kontraktor-kontraktor Bumiputera, akan membilay seluruh perbelanjaan latihan termasuk tambang kapal terbang.

Tawaran itu disampaikan oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kepada Presiden Maumoon Abdul Gayoom semalam. Pemimpin Maldives itu akan bertindak memilih calon-calonnya.

Latihan

Dalam sidang akhbar sebelum pulang ke tanahair, Perdana Menteri berharap dengan latihan sedemikian, Maldives satu hari nanti akan berupaya mengendalikan projek-projek besar menerusi kepakaran tempatan.

Haj dan Rakan-Rakan memulakan kerja membina pusat berharga \$7 juta itu bulan ini, dengan menggunakan lebih kurang 70 pekerja Malaysia yang dibantu oleh tenaga tempatan. Pusat itu dijangka siap dalam bulan Jun tahun depan.

Menurut Perdana Menteri, lawatan serentak kumpulan pedagang dan pelabur sektor swasta jelas menunjukkan Malaysia berminat untuk mencari lebih banyak peluang dalam bidang itu.

Datuk Seri Dr Mahathir menyatakan perbincangan peringkat awal mungkin diadakan untuk mencari peluang usahasama di bidang perikanan dan makanan yang boleh ditinkan.

Mengenal bantuan teknikal, Datuk Seri Dr Ma-

Universiti Islam milik seluruh ummah: PM

● Dari Muka 1

namir berkata: "Perkara yang paling penting ialah meningkatkan pengetahuan kita. Malaysia boleh membantu Maldives dalam bidang-bidang seperti penyiaran dan pengeluaran makanan. Kami sudah menyediakan senarai bidang-bidang yang boleh kami bantu dan terpujalah kepada negara-negara yang menerima tawaran untuk memilih yang mana dipertukarkan."

Tawaran

"Malaysia telah mengemukakan tawarannya yang sudah diterima oleh kerajaan Maldives. Kami boleh memberi bantuan untuk latihan dan pelajaran."

Mengenai Universiti Islam Antarabangsa, Perdana Menteri menjelaskan bahawa walaupun universiti itu terletak di Malaysia, ia adalah ke-

punyaan seluruh ummah.

"Malaysia akan membiayai sebahagian besar dari perbelanjaannya tapi kami berharap negara-negara Islam lain juga akan membantu," katanya.

"Buat masa ini, lebih kurang 400,000 pelajar Islam terpaksa belajar di negara-negara bukan Islam dalam bidang-bidang yang dipelopori oleh Islam beberapa abad dulu.

"Malaysia berharap penubuhan UIA akan menjadi satu permulaan kepada penubuhan lebih banyak universiti Islam dalam dunia Islam — satu langkah yang akan dapat mengembalikan bidang-bidang itu kepada tempat asalnya."

Kata Datuk Seri Dr Mahathir lagi, adalah penting untuk negara-negara "kecil" menubuhkan atau menganggotai mana-mana pertubuhan

seperti Asean, misalnya, jika mereka ingin mendapat perhatian daripada negara-negara maju atau kuasa besar.

"Dengan adanya pertubuhan itu, negara-negara kecil dan membangun tidak akan dilaga-lagakan. Suara beberapa negara yang bersatu adalah lebih berkesan daripada suara satu negara yang bertindak kesecorangan."

Bersatu

"Malaysia menganggotai Asean berasaskan pengalamannya sebelum itu. EEC ialah satu persatuan negara-negara kaya dan dengan adanya persatuan ini, Britain dan Perancis misalnya tidak boleh dilaga-lagakan begitu saja.

"Oleh itu amatlah penting untuk negara-negara membangun bekerjasama dan bersatupadu."